



# KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN SISWA SIRI 2 & SIRI 3

Oleh: Nursakinah Abdul Karim

Unit Keusahawanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP telah menganjurkan Kursus Asas Keusahawanan Siswa Siri 2 & Siri 3 yang bertempat di Hotel Swiss Inn, Sungai Petani dan Hotel Naza, Pulau Pinang selama 1 minggu pada 22hb–28hb November 2008 (Siri 2) dan 17hb–23hb Disember (Siri 3). Para peserta terdiri daripada pelajar UniMAP pelbagai tahun pengajian iaitu seramai 35 orang bagi siri kedua dan 30 orang bagi siri ketiga. Ia merupakan satu langkah untuk memberi pendedahan

yang meluas tentang selok-belok keusahawanan dan perniagaan, serta untuk menggalakkan lagi para siswazah mencebur dalam bidang perniagaan sebagai kerjaya alternatif apabila tamat pengajian.



Seramai 17 orang penceramah dari pelbagai institusi telah dijemput bagi menyampaikan ceramah dan berkongsi idea dalam setiap modul yang telah ditetapkan dalam kursus ini termasuk tokoh-tokoh usahawan iaitu Ketua Pegawai Eksekutif HALAGEL Sdn Bhd, En. Mohamad Yakob Bin Munshi Deen dan En. Muhammad Saieffuel Mohd Yusoff, pengusaha syarikat consultant - Saibila Technology Sdn. Bhd bagi berkongsi pengalaman pahit jerih serta kejayaan mereka sebagai seorang usahawan.

Selain dari slot-slot pengisian ceramah ilmiah, terdapat juga satu slot diperuntukan bagi pertandingan catur bistari. Permainan tersebut berunsurkan realiti bisnes masa kini, dan ia juga menggalakkan peserta supaya bergerak ke satu tahap yang lebih maju secara berperingkat di dalam dunia perkembangan perniagaan. Hadiah turut disampaikan kepada pemenang – pemenang.

Pada akhir kursus, semua peserta kelihatan berminat serta yakin untuk mencebur dalam bidang perniagaan apabila tamat belajar kelak kerana bidang perniagaan merupakan bidang mampu memberi pendapatan tanpa limit sekiranya mereka rajin serta bersungguh-sungguh. Mereka juga yakin, bahawa walaupun di bidang kejuruteraan, ia juga boleh diadaptasikan dan boleh menjadi seorang usahawan yang berjaya dan terkenal.